

B4-23/7-119 MS 3

Bayaran balik diguna baik pulih sekolah di Sarawak

Putrajaya: Kerajaan akan menyegerakan proses perolehan dan perbelanjaan sehingga RM350 juta untuk fasa pertama projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak sebaik sahaja kerajaan negeri itu membuat bayaran balik hutang sebanyak RM350 juta.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata setakat 30 Jun lalu, kerajaan Sarawak masih berhubung dengan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.3 bilion.

Beliau berkata, sekiranya RM1 bilion dibayar balik oleh Sarawak, negeri itu masih berhutang RM1.3 bilion.

"Kerajaan bersetuju secara dasarnya untuk menerima sebahagian daripada bayaran balik pinjaman hutang Sarawak sebanyak

RM1 bilion untuk diperuntukkan bagi membaik pulih sekolah daif, tertakluk kepada mekanisme perundingan yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Pertama, Sarawak hendaklah membayar balik sehingga RM1 bilion daripada jumlah hutangnya kepada kerajaan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Ini selaras dengan penetapan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, kerajaan akan menyalurkan jumlah sama seperti yang dibayar balik oleh kerajaan negeri sebagai peruntukan untuk digunakan bagi projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak.

Ketiga, kerja membaik pulih sekolah daif di Sarawak hendaklah

dalam menentukan sekolah daif untuk dilbaik pulih.

Guan Eng berkata, keempat-empat kriteria itu dipersetujui kerajaan Sarawak dalam surat Ketua Menteri Sarawak kepadanya yang diterima pada 15 Julai lalu.

"Kementerian Kewangan ingin menjelaskan bahawa cadangan Sarawak menggunakan bayaran balik pinjaman untuk membaik pulih sekolah daif, sebenarnya adalah wang pendahuluan kerajaan kerana memabatkan penggunaan dana yang dipinjamkan kepada Sarawak sebelum ini.

"Sebagai bayaran balik pinjaman kepada kerajaan, ia bermaksud dana RMI bilion itu sebenarnya adalah wang milik kerajaan sendiri, yang dipersetujui untuk

digunakan bagi membaik pulih sekolah daif di Sarawak," katanya.

Beliau berkata, Ketua Menteri Sarawak menyatakan kesediaan untuk menyalurkan bayaran balik pinjaman fasa pertama sebanyak RM350 juta dalam tempoh terdekat.

"Selepas itu, beberapa perkara harus dimuktamadkan, antaranya jadual pelaksanaan, senarai sekolah dan proses tender bagi projek itu.

"Dengan semangat kerjasama dan niat ikhlas semua pihak, Kementerian Kewangan yakin proses tender bagi fasa pertama projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak ini akan dilaksanakan sebelum hujung tahun ini," katanya.

Fakta nombor

RM350 juta

Perbelanjaan untuk fasa pertama projek baik pulih sekolah daif di Sarawak

Graphix

ditawarkan secara tender terbuka, bagi memastikan ketelusan dan nilai berpatutan berdasarkan tatacara kewangan kerajaan semasa.

Keempat, kerajaan bersedia mengambil kira keutamaan Sarawak